

Ruj.Kami : ANM.PK.P/P.600-1/1/2 JLD.3 (88)
Tarikh : 14 November 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENUKARAN BANK GAJI DARIPADA BANK LUAR NEGARA KEPADA BANK TEMPATAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pembayaran gaji bulanan bagi akaun bank luar negara iaitu United Overseas Bank (Malaysia) Bhd, OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan Citibank Berhad masih menggunakan kaedah pembayaran gaji secara cek.

3. Sehubungan itu, mohon semua pusat tanggungjawab (PTJ) memaklumkan kepada pegawai-pegawai di bawah pusat pembayar tuan/ puan yang menggunakan bank-bank gaji berkenaan untuk menukar akaun bank gaji tersebut kepada mana-mana akaun bank tempatan selewat-lewatnya pada gaji bulan Disember 2019 dan memastikan tidak menerima lagi sebarang penukaran akaun gaji ke bank luar negara.

4. Ini kerana. dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan / mengosongkan pembayaran menggunakan cek dan kos-kos berkaitan, mulai Januari 2020 kaedah pembayaran gaji secara cek sudah tidak digunakan. Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

**PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK**